

Tajuk Tesis : Seramik Permata : Penggunaannya Ke Atas Darjah Kebesaran

Nama Pengarang : NurulWahidah Johari

No. Matrik : 96136153

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Logam Halus.

1. Diperiksa oleh..... Tarikh.....
2. Diperiksa oleh..... Tarikh.....
3. Diperiksa oleh..... Tarikh.....

Dekan

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

KANDUNGAN

ISI

PENGHARGAAN	4
--------------------	----------

ABSTRAK	5
----------------	----------

BAB 1

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	8 - 15
1.2 Objektif Kajian	
1.3 Definisi Konsep	
1.4 Batasan Kajian	
1.5 Masalah Kajian	
1.6 Kaedah Kajian	

BAB 2

2.0 LATAR BELAKANG SEJARAH PENGGUNAAN SERAMIK PERMATA

2.1 Pengenalan	17
2.2 Sejarah Penggunaan Seramik Permata Dahulu Kala	21-24
2.3 Sejarah Penggunaan Seni Seramik Permata Di Barat	25-26
2.4 Lampiran Bergambar	27-41

BAB 3

3.0 JENIS-JENIS DAN PROSES PENGGUNAAN SERAMIK PERMATA KE ATAS LOGAM

3.1 Pengenalan	43-44
3.2 Cloisonne Enameling	45-50
3.3 Plique-a-jour Enameling	51-54
3.4 Champleve Enameling	55-59
3.5 Basse Taille Enameling	60-61
3.6 Limoges Enameling	62-66
3.7 Lampiran Berjadual	67-71

PENGHARGAAN

Alhamdulillah...dengan nama Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang. Di atas keizinanNya jua, maka dapatlah saya menghasilkan tesis ini dengan jayanya. Di sini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada mereka yang terlibat terutamanya kepada En. Alias Yusoff. Beliau merupakan seorang pensyarah dan juga penasihat kepada tesis ini. Di atas nasihat dan bimbingan beliau dapat penulis menyiapkan tesis ini dengan lancar.

Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan juga diberikankan kepada Syarikat TABA Silver Industry Sdn. Bhd. dan Syarikat Mariwasa Kraft Sdn. Bhd. Ini kerana kedua-dua syarikat berkenaan telah memberikan kerjasama dan komitmen yang baik sewaktu kajian dijalankan. Walaupun terdapat sedikit kesulitan, namun ia dapat diselesaikan jua akhirnya.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada mereka yang sudi membantu dalam menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sanggup bersusah payah dalam menyelesaikan masalah. Walaubagaimanapun, segala-galanya dapat di atasi dengan baik. Selain itu, bantuan yang diberikan daripada ahli keluarga juga tidak saya lupakan kerana melalui sokongan moral mereka, maka dapatlah tesis ini disiapkan.

ABSTRAK

Tesis ini menceritakan tentang penggunaan seramik permata ke atas darjah kebesaran. Sebenarnya masyarakat pada masa kini sering keliru terhadap perkataan seramik permata dan juga darjah kebesaran.

Perkataan seramik permata sebenarnya mempunyai maksud yang tersendiri. Pada kebiasaannya, masyarakat menganggap perkataan seramik hanya digunakan dalam pembuatan barangan tembikar yang diperbuat daripada tanah liat lalu dibakar supaya menjadi keras. Tembikar tersebut biasanya dijadikan sebagai bekas minuman ataupun barangan hiasan.

Manakala, perkataan permata biasanya digunakan hanya untuk batu permata. Tetapi, sebenarnya seramik permata dihasilkan daripada sejenis serbuk kaca yang mengandungi gabungan bahan asas iaitu serbuk kaca jernih (*flux*) dan logam oksida (*metal oxide*). Ia juga dijadikan sebagai hiasan pada sesuatu permukaan logam supaya kelihatan lebih cantik. Selain itu ia juga sebenarnya bersifat *transparent* dan *opaque*.

Penggunaan seramik permata ini biasanya dijadikan sebagai hiasan pada barang kemas, *miniature*, perkakas-perkakas dapur dan banyak lagi. Selain itu, biasanya para pembuat barang kemas sering menggunakan seramik permata sebagai pengganti kepada batu-batu permata. Contohnya batu zamrud, nilam, berlian dan

BAB 1

1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Seramik permata merupakan sejenis serbuk kaca yang mengandungi gabungan bahan asas iaitu serbuk kaca jernih (*flux*) dan logam oksida (*metal oxide*). Sedikit logam oksida dicampurkan ke dalam serbuk kaca jernih untuk menghasilkan warna pada seramik permata. Ia juga mengandungi pelbagai keliatan di bawah tahap kepanasan. Begitu juga dengan tahap kekerasan atau kilauannya sewaktu penyejukan.

Pada dasarnya seramik permata dihasilkan melalui campuran bahan seperti batu api (*flint*), pasir (*sand*) atau silika (*silica*), plumbum (*lead*), soda atau *potash* serta *borax*. *Lead*, *potash* dan *soda* diperlukan untuk menghasilkan kilauan. Kuantiti plumbum yang digunakan ke atas seramik permata dapat menentukan kelembutan dan kekerasan sesuatu bahan. Kehadiran *borax* dan logam oksida memudahkan untuk penghasilan warna. *Borax* dan *soda* atau *potash* dapat mengawal keanjalan bahan tersebut. Jika penggunaan *borax* terlalu banyak maka ia kurang anjal. Manakala, penggunaan *soda* atau *potash* yang berlebihan akan mengakibatkan terlalu anjal. Oleh itu, keseimbangan di antara kedua-dua bahan tersebut penting bagi proses pengembangan dan pengecutan seramik permata serta logam. Sama ada sewaktu dan selepas proses pembakaran dilakukan. Tanpa penggunaan bahan-bahan tersebut menyebabkan seramik permata tidak melekat di atas logam dan akan berlaku keretakan sewaktu penyejukan.